

Ia melarikan diri dari negeri "Hamadan" bila ia menyaksikan kejatuhan¹ kuasa raja puak "Samāniyyah" dialahkan oleh puak "Buwayh" di mana orang-orang yang dahulunya mulia dan dipandang hormat hilang segala kemuliaannya dan orang-orang yang dahulunya dipandang hina, kini naik pula menjadi mulia dan dihormati. Ia turut menjadi korban dan keluar dari negeri itu dengan hati yang cekal dan tabah melalui penderitaan yang menitiskan air mata. Akhirnya sampailah ia ke negeri Şafhan² di mana seorang putera raja sedang gering. Kerana ia dahulunya seorang menteri yang berkuasa dan juga seorang tabib yang dipercayai dalam istana, maka dicuba olehnya mengubat kegeringan putera mahkota itu. Apakah kesudahannya? Bacalah sejarah hidupnya di bawah ini:—

Dari majalah *al-Hilāl*:

(Oleh Muhammad Rajab al-Bayūmī)

Panas matahari di tengah hari itu menyala-nyala seolah-olah membakar bumi, padang pasir dan segala gunung-ganangnya seolah-olah berasap kerana bakaran panas matahari itu. Seorang orang tua yang sedang berjalan melalui padang pasir itu terasa olehnya perit dan sakitnya kena panahan panas matahari ke seluruh badannya, peluh membasahi sekujur badannya, tekaknya, dirasai amat kering tiada lagi saki-baki air ludah yang akan ditelannya, matanya liar ke sana ke mari kerana mencari kalau-kalau ada sebuah telaga yang akan dapat memuaskan dahaganya. Hampir-hampir sahaja ia akan mencekup pasir dan akan dihirupnya, kerana pasir itu dilihatnya dari jauh sana seperti air menggenang-genang di tengah-tengah padang pasir yang dipanahi oleh cahaya matahari yang sangat terik itu.

Tiba-tiba matanya bersinar-sinar, terbayang rasa sukacita di dalam hatinya bila ia dapati di sebalik sebuah pohon yang rendang ada sebuah tasik yang selama itu

disembunyikan oleh pohon rendang itu. Segera ia mendekati tasik itu dihirupnya air bersih jernih tasik itu, untuk menghilangkan dahaga dan hausnya, dan dibukanya pakaiannya lalu berendam dalam air tasik itu untuk mengembalikan segala tenaga yang dirasanya selama ini telah banyak yang hilang, tidak lama kemudian ia siap berpakaian lalu berteduh di pohon yang rendang itu dengan perasaan tenang dan bahagia dan...tidak lama setelah itu ia tidak dapat melawan ngantuknya lalu berdengkur... ..terlena.

Orang tua pengembara itu memang sebenar-benarnya dalam letih lesu dan cukup mengalami segala kepayahan dan penderitaan, hingga terbawa-bawa menjadi impian di dalam tidurnya bagaimana susah dan derita yang akan dialaminya untuk masa-masa depannya yang masih lagi kabur dan kelam, kadang terbayang pula kenang-kenangan masa lampaunya yang penuh dengan kebahagiaan dan suka ria, di kala ia menjadi sebagai seorang menteri yang berkuasa, boleh memerintah dan menegah, dikelilingi oleh orang-orang besarnya dan pengawal setiap masa...hinggalah matahari hampir terbenam

¹ Perkataan sebenar ialah kejatuhan.

² Perkataan sebenar ialah Isfahan.

ke barat, di kala angin bertiup sepoi-sepoi bahasa, ia terjaga dari tidurnya.....didapati dirinya seorang diri di tengah padang luas, ditemani oleh sang rembulan yang baru mengorakkan senyuman dikelilingi oleh bintang-bintang yang bertaburan.

Apakah yang akan dilakukan oleh orang tua pengembara itu di kala hari telah mula malam di padang pasir yang luas itu? Sekali-sekali ia mengorak senyum, bila ia terkenang di hari mudanya duduk dalam kebahagiaan dan kesenangan di dalam istana Amīr al-Dawlah dari puak Samāniyyah. Kerana ia adalah sebagai tabib atau doktor diraja dalam istana itu, apa katanya dituruti dan apa kehendaknya mesti diadakan.

Kemudian terbayang pula kenangannya waktu dalam kemuncak kemuliaannya di negeri “Hamadan”, bila ia sendiri turut menyaksikan kejatuhan kuasa diraja puak “Samāniyyah”, dialahkan oleh puak “Buwayh”, di mana orang-orang yang dahulunya mulia dan dipandang hormat, hilang segala kemuliaannya, dan orang-orang yang dahulunya terpandang hina, kini naik pula menjadi mulia dan dihormati. Ia turut menjadi korban seperti orang-orang yang mula-mula dikatakan tadi, dan kerana menurut putaran³ roda dunia ia turut seperti orang-orang yang keluar dari negerinya melarikan diri dari kekejaman pihak yang berkuasa di masa itu.

Itulah pula sebabnya ia berada di tengah-tengah padang belantara yang maha luas itu seorang diri tidak berkawan tiada teman menyamar sebagai seorang *darwīsh* yang miskin, memakai pakaian yang telah koyak rabak, dibiarkannya janggutnya tumbuh panjang tidak berbela. Kematianya menunggunya dari kanan dan dari kiri, ia sebagai orang buruan yang diburu oleh pemerintah yang baharu berkuasa, di sana sini ada penyuluh-penyuluh yang merisik di mana ia berada, kerana mereka itu mahukan hadiah-hadiah yang telah ditawarkan oleh pihak pemerintah baharu itu. Oleh itu di manakah gerangan ia akan melarikan diri?

Itulah dia “**Ibn Sīnā**”, yang berazam akan melarikan diri ke Isfahan, kerana di sana ia mempunyai banyak kenalan-kenalan yang menghormati dan memuliakannya, siapa tahu barangkali mataharinya yang telah terbenam sekarang ini akan menyinarakan cahayanya kembali di tempat yang lain....

Berjalanlanlah Ibn Sīnā dari sehari ke sehari menuju ke Isfahan, hingga sampailah ia ke tempat yang ditujunya itu setelah mengalami segala penderitaan dan kesusahan, di sana ia benar-benar dimuliakan dan sangat dihormati oleh kenalan-kenalannya dan setiap hari ia menjadi tetamu di sana dan di sini, hingga hilanglah segala dukacita yang ditanggungnya selama ini.

Pada masa itu, putera mahkota Sultan Amīr al-Dawlah sedang gering, kegeringannya itu telah membingungkan semua tabib-tabib yang pernah mengubatinya, hingga kerana mereka hampir-hampir putus asa. Sultan sendiri menyiarkan pemberitahuan, barang siapa yang dapat menyembuhkan penyakit yang dihadapi oleh putera mahkotanya orang itu akan diberikan kurniaan-kurniaan yang tidak terhingga banyaknya. Sahabat-sahabat dan kenalan-kenalan Ibn Sīnā yang telah mengetahui segala kebolehan dan kepandaian Ibn Sīnā meminta supaya orang tua itu bermurah hati mengubati putera mahkota raja mereka, bukan sebagai hendak merebutkan hadiah atau kurnia yang akan diberi oleh raja mereka tetapi ialah kerana belas kasihan mereka terhadap sultan dan raja mereka yang baik hati serta adil itu.

Ibn Sīnā tidak menolak tawaran itu, ia menghadap Sultan ‘Alā’ al-Dawlah untuk cuba mengubati putera mahkotanya. Putera mahkota yang sakit itu didapatinya amat kurus dan pucat rona mukanya, matanya cengkung ke dalam, waktu berkata-kata kedengaran seolah-olah telah pendek lidahnya, bila diperiksa dan diteliti didapatinya tidak ada tanda-tanda putera mahkota itu menghidap penyakit pada badannya, tiada suatu tubuh badan putera mahkota itu yang

(Sambungan di muka 29)

³ Perkataan sebenar ialah putaran.